

**Azizan hanya berpegang Perlembagaan Kedah
Utusan Online
10 Mac, 2012**

ALOR SETAR 9 Mac – Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak hari ini memberi 'pukulan balas' kepada kelompok yang cuba melemahkan kepimpinannya apabila menegaskan beliau hanya berpegang kepada peraturan termaktub dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah untuk mengurus tadbir kerajaan negeri.

Tegasnya, tiada perkara yang lebih tinggi daripada Perlembagaan Kedah yang memperuntukkan menteri besar adalah ketua tertinggi bagi badan eksekutif negeri.

Bagaimanapun, katanya, beliau sentiasa terbuka untuk mendengar pandangan daripada mana-mana pihak termasuk Jawatankuasa Pemandu yang ditubuhkan Pas untuk memantau kerajaan negeri secara peribadi.

"Kita ikut apa Perlembagaan Kedah kata. Jawatankuasa Pemandu itu, dia hendak bagi pandangan atau nasihat. Secara peribadi saya dengarlah, sesiapa pun boleh bagi nasihat.

"(Tetapi) Jawatankuasa Pemandu tiada dalam Perlembagaan Kedah," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rombongan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim di kediamannya di Jalan Sultanah, di sini hari ini.

Penubuhan Jawatankuasa Pemandu itu adalah salah satu daripada tiga keputusan Pas Pusat bagi menyelesaikan kemelut Pas Kedah ekoran dua Exconya, Datuk Phahrolrazi Zawawi dan Dr. Ismail Salleh enggan menerima semula jawatan tersebut.

Ekoran penubuhan jawatankuasa itu, Phahrolrazi dan Ismail kemudian bersetuju menerima semula pelantikan mereka sebagai Exco dengan 'senang hati' kerana menganggap matlamat sebelum ini untuk menekan Azizan sudah tercapai.

Azizan berkata, buat masa ini beliau tidak boleh memberi banyak komen mengenai Jawatankuasa Pemandu kerana tidak mengetahui siapakah yang terlibat dan apakah terma rujukan yang akan digunakan oleh jawatankuasa tersebut nanti.

Ditanya apakah yang dibincangkan dalam pertemuan beliau dengan rombongan Anwar itu, beliau berkata, mereka membincangkan mengenai senario politik semasa, strategi menghadapi pilihan raya umum akan datang dan langkah-langkah untuk mengeratkan lagi kerjasama dalam pakatan pembangkang.

Mengenai ura-ura bahawa Timbalan Presiden Pas, Mohamad Sabu ingin bertanding di negeri ini dan apakah Pas Kedah sedia mencalonkannya, Azizan yang juga Pesuruhjaya Pas negeri berkata: "Bukan saya terima dia tetapi apakah kawasan terima dia atau tidak?"

Sementara itu, Anwar ketika ditemui pemberita selepas mengunjungi Azizan menafikan penubuhan Jawatankuasa Pemandu melanggar dasar dan undang-undang.

Katanya, penubuhan jawatankuasa itu tidak menggugat kuasa eksekutif menteri besar tetapi sekadar berperanan memberi pandangan dan nasihat.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0310&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm